




Selamat datang di dunia, lahirnya dampada dalam suaranya itu. Rasnillah SAW, Nani jantungan omni kepandaian lainnya daripada nabiin seorang wanita bernama Aminah.

Durasi menyaksikan lahirnya bantian wanita yang dikagumi kehebatannya. Perjuangan asasi manusia. Awang San-San Ky tidak pernah gentar memajukan jurma nandora Muzamer untuk mengagumkan demokrasi negara bangsa itu. Moder Teresa pemegang Anugerah Nobel Dunia sanggup menghabiskan 15 tahun dalam hidungnya, membaubau golongan yang hidup melarat di India.

Di pertas politik dunia menandakan kehadiran bantian pemimpin wanita yang begitu bempengaruh seperti Margaret Thatcher, pemimpin yang digelar sebagai 'wanita besi' dunia semasa menjadi Perdana Menteri Britain. Bekas Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto pula cukup dikenali lawannya sehingga beliau mati dibom oleh musuh politiknya pada 2007 kerana pengaruhnya terhadap politik Pakistan telah disukai dan dikhawatirkan.



Hari Wanita Sedunia

Sambutan Hari Wanita menjangkau usia 99 tahun. Usia ini menjadi manifestasi betapa wanita sudah sekian lama memperjuangkan hak mereka.


OLEH NORAINI ABD. KHALID

Di Asia Tenggara sendiri, jawatan Presiden Filipina sekarang dipegang oleh seorang wanita gemilang, Gloria Macapagal Arroyo. Tidak lupa, takhta Presiden Indonesia pernah dipegang oleh wanita, Megawati Sukarnoputri, anak sulung Presiden Sukarno yang dikagumi sahatemudunya.

Di negara ini, wanita sudah sekian lama membuktikan kredibiliti mereka dalam pelbagai

arena. Contoh yang paling hampir, mata yang kita sekarang pun diandatangani oleh seorang wanita, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. Beliau sudah beberapa kali diberikan pengiktirafan daripada pelbagai pihak sebagai Gabenor Bank antara yang terbaik di dunia.

Selain itu, Profesor Datuk Dr. Mazlan Othman pernah dilantik menjadi Pengarah Hal Ehwal



Untuk rekod, Sambutan Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac, manakala sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan disambut pada 25 Ogos setiap tahun. Walaupun berbeza tarikh, matlamat perjuangan Hari Wanita tetap didukung atas semangat yang sama iaitu mengangkat martabat wanita seluruhnya.

Menyedari potensi wanita yang merupakan separuh daripada kekuatan tenaga kerja di negara ini, kerajaan mengubal Dasar Wanita Negara pada 1989. Dasar ini mengandungi strategi khusus untuk memastikan impak positif wanita dalam proses pembangunan di Malaysia.

Dasar ini diwujudkan sejajar dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan deklarasi antarabangsa. Dasar ini merupakan satu dokumen yang progresif dan dinamik bertujuan mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara lestari.

Wanita dijadikan daripada tulang rusuk lelaki. Bukan dijadikan untuk dijulang megah di atas kepala, bukan juga dijadikan serendah martabat untuk dipijak-pijak di bawah kaki, tetapi dijadikan daripada rusuk untuk berdiri seiring di sisi dan disayangi. **DM**

Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Austria, dari Oktober 1999 hingga Jun 2002. Beliau merupakan wanita kedua di dunia yang pernah dilantik menjawat jawatan tersebut.

Pada 8 Mac ini, seluruh dunia meraikan Hari Wanita Sedunia. Menyingkap latar belakang Hari Wanita Sedunia, sejarahnya bermula pada Februari 1909 di Amerika Syarikat berikutan deklarasi yang dikeluarkan oleh Parti Sosialis di Amerika Syarikat (AS). Idea mewujudkan Hari Wanita Sedunia mula lahir apabila berlaku proses perindustrian dan perkembangan ekonomi AS yang membawa kepada protes wanita tentang keadaan buruk di tempat kerja.

Dikatakan pada 8 Mac 1857, wanita yang bekerja di kilang kain dan tekstil yang tidak berpuas hati dengan kebajikan di tempat kerja mereka telah mengadakan demonstrasi di New York. Tarikh sebenar sambutan Hari Wanita Sedunia yang pertama ialah pada 19 Mac 1911. Hanya pada 1975, barulah tarikh sambutan Hari Wanita diubah pada 8 Mac.

Hari ini, sambutan Hari Wanita menjangkau usia 99 tahun. Usia ini menjadi manifestasi betapa wanita sudah sekian lama memperjuangkan hak mereka. Di Malaysia sendiri, hak wanita mula diiktiraf sejak zaman awal kemerdekaan. Wanita di negara ini lambang menyuarakan hak mereka dengan cara tersendiri.